

# Masalah banjir kilat bakal diatasi

**KUALA LUMPUR** - Masalah banjir kilat di Pasar Batu 5 Jalan Ipoh sejak setahun lalu bakal diatasi dengan projek naik taraf sistem saliran di sekitarnya bagi memastikan air hujan tidak melimpah ke dalam kawasan perniagaan.

Ahli Lembaga Penasihat DBKL, Datuk P Gunaseelan berkata, pihaknya menerima banyak aduan daripada orang ramai dan peniaga berhubung masalah tersebut.

Menurutnya, peniaga terpaksa berdepan dengan masalah berkenaan setiap kali hujan lebat disebabkan limpahan air longkang terletak di belakang pasar.

“Setiap kali hujan lebat, pasar akan dinaiki air sehingga hampir dua kaki menyebabkan peniaga-peniaga terjejas.

“Apa yang kita akan buat adalah dengan menaik taraf longkang, iaitu dengan meninggikannya bagi menambah jumlah kapasiti air yang boleh ditampung setiap kali hujan lebat,” katanya ketika lawatan kerja ke pasar berkenaan.

Gunaseelan menambah, kerja menaik taraf longkang sepanjang 200 meter akan dilaksanakan dalam tempoh seminggu lagi dengan kos kira-kira RM100,000.